

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM



PENGHARGAAN...Dr Tengku Aizan menyampaikan cenderamata kepada seorang peserta forum.

GALAK WARGA EMAS UPM anjur forum GUNA IT

Oleh Noor Azam Abdul Aziz

azam@hmetro.com.my

WARGA tua bukan saja wajar menimba kemahiran teknologi komunikasi maklumat (ICT), malah perlu mengikuti perkembangannya supaya dapat berkongsi maklumat dengan generasi muda.

Demikian intipati forum bertema ‘Ke Arah Membudayakan ICT Di Kkalangan Warga Emas’, baru-baru ini, yang dirasmikan Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie.

Forum sehari itu bertujuan menyuntik semangat serta motivasi kepada warga tua supaya terus berbakti, sentiasa rasa dihargai dan diperlukan.

Enam pensyarah membentangkan lima kertas kerja termasuk Pengarah Institut Gerontologi UPM, Prof Madya Dr Tengku Aizan Hamid.

Dalam kertas kerja berjudul ICT dan Warga Emas: Peluang Pembelajaran Sepanjang Hayat, Dr Tengku Aizan dan Prof Dr Borhanuddin Mohd Ali, berkata warga tua wajar menggunakan internet untuk meningkatkan pengetahuan bagi memastikan diri bermaklumat dalam memimpin keluarga.

Menurut mereka, kecanggihan dunia ICT bukan saja dikuasai golongan tertentu, malah semua peringkat anggota masyarakat berhak mempelajarinya.

Pada masa kini wujud tanggapan warga tua tidak perlu terus mengikuti perkembangan terkini dan hanya perlu berehat mendapatkan ketenangan hidup.

Forum itu dianjurkan Institut Gerontologi dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara Selangor dan mendapat sambutan di kalangan penghuni rumah orang tua di sekitar Lembah Klang.

Ia bertujuan menjana minat dan kesedaran awam terhadap peranan ICT dalam kehidupan warga emas melalui pengenalan kepada inisiatif tempatan yang diadakan.

Peserta memanfaatkan forum berkenaan untuk meningkatkan dan mengubah persepsi terhadap kepentingan aktiviti ICT serta mampu berkongsi pengalaman dengan pihak luar.